

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HST 424 - Kertas Khas dalam Sejarah Indonesia

Tarikh: 5 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Setakat manakah kemajuan ekonomi pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah mengubah struktur masyarakat di Sumatera Timur.
2. Apakah kesan sosial dan politik dari kewujudan masyarakat majmuk di Sumatera Timur pada tahun 30-an.
3. Sejauh manakah perpecahan di kalangan suku bangsa-suku bangsa di Sumatera Timur menghalangi kewujudan nasionalisme di kalangan penduduk asli.
4. Setakat manakah anda dapat menerima bahawa pendudukan Jepun di antara 1942 - 1945 telah meruntuhkan struktur pentadbiran kerajaan di Sumatera Timur?
5. Sejauh manakah pengisytiharan kemerdekaan Indonesia di Sumatera Timur oleh Govenor Teuku M. Hasan telah diterima dan disokong oleh penduduk-penduduk asli di Sumatera Timur.
6. Menurut Tengku Haji Mohamad Lah Husny, "Jika dulu seorang yang biasanya dipanggil saja dengan nama 'Baharuddin', maka namanya menjadi 'Baharuddin Siregar'; yang dulu bernama 'Mansur' sekarang berubah jadi 'Mansur Lubis'; 'Tahir' menjadi 'Tahir Situmorang'; 'Munir' menjelma jadi 'Munir Simatupang' dan sebagainya."

Merujuk kepada pernyataan ini setujukah anda bahawa "revolusi sosial" yang meletus pada 3 Mac 1946 telah menghapuskan identiti Melayu di kalangan masyarakat Sumatera Timur?

7. "Negara Sumatera Timur yang didirikan pada 1947 merupakan suatu percubaan penduduk-penduduk asli di Sumatera Timur untuk melepaskan diri daripada Republik Indonesia."

Setakat manakah anda setuju dengan pernyataan ini?

8. Adakah pembubaran Negara Sumatera Timur pada 17 Ogos 1950 merupakan kejayaan gerakan nasionalis Indonesia atau kegagalan penduduk-penduduk asli untuk mencapai suatu persetujuan untuk mempertahankan hak-hak mereka?

-ooo000ooo-